



4 DISEMBER 2021

## Perasmian Lapangan Terbang Baharu Mukah



1 DISEMBER 2021

## Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) Sepang



24 NOVEMBER 2021

## Buku Polisi-Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah MOT & Kod Etika Dan Tatakelakuan



10 DISEMBER 2021

## Malaysia Berjaya Menduduki Kerusi Sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO)



25 OKTOBER 2021

## Program Berbasikal Sempena Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia



6 JULAI 2021

## Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan Udara



9 DISEMBER 2021

## 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia Di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)



27 DISEMBER 2021

## Pelancaran Pas Perjalanan Tanpa Had My50



# Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan Udara

**SEPANG, 6 Julai 2021** - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Khairy Jamaluddin diiringi oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah hadir ke Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan dan Pelancaran Pembukaan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) khas untuk Sektor Pengangkutan Udara bertempat di Terminal 1, KLIA Sepang, Selangor.

Program ini merupakan inisiatif bersama MOT dengan MOSTI dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneruskan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan khas untuk Sektor Pengangkutan Udara yang telah bermula pada 5 Julai 2021 di Bangunan Terminal Utama KLIA dengan melibatkan seramai 22,243 orang petugas lapangan terbang, kakitangan syarikat penerbangan dan petugas kargo.



Melalui program ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah bekerjasama dengan beberapa syarikat industri penerbangan seperti Malaysia Airlines Berhad, Malindo, syarikat pengendalian darat AeroDarat, syarikat-syarikat penerbangan asing yang diwakili oleh Airline Operators Committee (AOC) dan pekerja kargo yang diselaraskan oleh Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM).



Program ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Ketua Setiausaha MOSTI, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Pengurus MAHB, YBhg. Dato' Mohd Shukrie Mohd Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAHB dan Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan, Setiausaha Bahagian Udara MOT.

Dengan pelaksanaan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan khasnya untuk Sektor Pengangkutan Udara ini, diharapkan para petugas barisan hadapan pengangkutan terutamanya bagi sektor udara dapat membina banteng bagi berdepan dengan virus COVID-19, yang mana telah meragut lebih daripada 5,000 nyawa termasuk petugas barisan hadapan pengangkutan. Selain itu, pemberian vaksin ini juga akan memberi keyakinan kepada petugas barisan hadapan pengangkutan dalam menjalankan tugas mereka dan sekaligus meningkatkan produktiviti negara.

# Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan Awam Darat

KUALA LUMPUR, 26 Julai 2021 - Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan diteruskan dengan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) terbaharu di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur.

YB Datuk Seri IR. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia diiringi Datuk Isham Ishak Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama Puan Noormah Mohd Noor, CEO ERL, En. Mohd Rani Hisham Samsudin, CEO KTMB telah membuat lawatan ke PPVIN bagi sektor pengangkutan darat ini yang dikelolakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ruang fasiliti PPVIN di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral pula disediakan oleh Express Rail Link Sdn Bhd (ERL).



Program ini telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 19 Julai 2021 dan ianya merupakan inisiatif bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Seramai 1,451 orang kakitangan KTMB termasuk anak syarikatnya, iaitu Multimodal Freight Sdn Bhd dan KTM Distribution serta 390 orang kakitangan ERL dan ERL Maintenance Support Sdn Bhd telah menerima suntikan vaksin di PPVIN Stesen KL Sentral. Mereka merupakan kakitangan barisan hadapan daripada pelbagai bidang kerja yang belum menerima suntikan vaksin dos pertama. Kakitangan KTMB yang telah menerima vaksin di PPVIN KL Sentral pula merupakan kakitangan dari Tanjung Malim hingga ke Gemas. Bagi kakitangan KTMB yang berada di luar PPVIN, mereka telah dibawa dengan menaiki tren khas untuk mendapatkan suntikan vaksin di KL Sentral.

## YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Pengangkutan Memulakan Tugas Secara Rasmi



PUTRAJAYA, 30 Ogos 2021 - Selamat datang YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia dan YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan. Seluruh warga kerja Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) serta Agensi dan Jabatan mengucapkan selamat kembali berkhidmat kepada YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong bersama keluarga MOT dan tahniah kepada YB Dato' Henry Sum Agong. Moga terus memacu MOT dalam menyokong pemulihan ekonomi dan meneruskan program-program pembangunan melibatkan sektor pengangkutan darat, udara, logistik dan maritim.

#KELUARGA  
MALAYSIA

## MOT sertai World #QuranHour 2021

**PUTRAJAYA, 30 Ogos 2021** - Buat julung-julung kalinya Kementerian Pengangkuatan Malaysia turut sama menyertai program World Quran Hour peringkat kementerian pada hari 30 Ogos 2021 iaitu bersamaan 21 Muhamarram 1443H melalui medium Microsoft Teams. Turut hadir YBhg. Datuk Isham Ishak Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, serta Jabatan dan Agensi dibawah MOT.



Program tahunan yang dianjurkan oleh Warisan Ummah Ikhlas Foundation (WUIF) yang bernaung di bawah Kumpulan Media Karangkraf dengan kerjasama TV alHijrah, Sinar Harian, rakan sinergi media yang lain dan juga Rumah Ngaji seluruh Malaysia meneruskan misi Malaysia Quran Hour untuk kali ke-7 demi untuk memartabatkan Al-Quran agar ianya dibaca, difahami dan diamalkan sehingga Al-Quran menjadi manual kehidupan dan melahirkan karakter sebagai muslim sejati.

Penganjuran Malaysia #QuranHour kali ini adalah yang kedua dibawakan melalui siaran secara langsung dari Studio TV AlHijrah ke seluruh negara selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi mengekang pandemik COVID-19. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang teribat, semoga kita semua dalam pengamalkan isi kandungan Al-Quran dalam kehidupan kita.

## Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Ibu Pejabat GPMS Di Atas Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

**PUTRAJAYA, 29 September 2021** - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyaksikan Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Ibu Pejabat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Di Atas Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di Lot 33, Lorong Titiwangsa Kuala Lumpur.



Setelah perbincangan dan pertemuan serta perundingan secara berterusan di antara kedua-dua pihak, GPMS akhirnya bersetuju untuk berpindah melalui kaedah sewaan tanah sementara proses pajakan tanah diselesaikan di antara RAC dan GPMS. Bangunan ibu pejabat GPMS yang baharu kini telah siap direnovasi dan dibaik pulih sepenuhnya mulai 1 Oktober 2021.

Penyerahan replika kunci telah disampaikan oleh Encik Adam bin Abu Hanipah, Pengurus Besar RAC kepada Encik Alif Anas bin Md Noor, Presiden GPMS. Turut hadir dalam majlis ini ialah Encik Ahmad Salman bin Ahmad Suhaimi, Setiausaha Agung GPMS dan Encik Hasanul Amir Abdul Halim, Ahli Majlis Tertinggi GPMS.

#KELUARGA  
MALAYSIA

# **Program Berbasikal Sempena Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2021**

**PUTRAJAYA, 25 Oktober 2021** - Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan Malaysia (KSKKP) telah menganjurkan Program Berbasikal Sempena Hari Sukan Negara Peringkat MOT Tahun 2021 (HSNMOT2021). Program ini disertai seramai 40 orang peserta dan diketuai oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang turut merasmikan Pelancaran Hari Sukan Negara Peringkat MOT pada tahun ini.

Program berbasikal dengan jarak 10 km ini adalah acara kemuncak sambutan Hari Sukan Negara bagi tahun 2021 peringkat Kementerian di mana MOT melalui KSKKP turut mengadakan beberapa acara sukan lain seperti brist walk individu 3 km, jogging individu 3 km dan aerobik individu bermula 9 Oktober 2021 lalu.

Acara berbasikal turut dimeriahkan dengan penyertaan YBhg. Dato' Razali Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Encik Mohd Aidi Mohd Hussin, YDP Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan Malaysia, Setiausaha-Setiausaha Bahagian serta beberapa penglibatan di kalangan warga MOT. Acara ini turut mendapat kerjasama padu daripada pihak Jabatan Pembangunan Sukan, Kementerian Belia Sukan (KBS).

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.



## **Sambutan 50 Tahun Malaysia – IMO**



**KUALA LUMPUR, 10 November 2021** - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menjadi hos bagi Majlis Sambutan 50 Tahun Malaysia - Pertubuhan Maritim Antarabangsa Malaysia (IMO) yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Sehingga kini, Malaysia telah menyertai sebanyak 26 daripada keseluruhan 58 Konvensyen IMO, demi memastikan kedaulatan, keselamatan perkapalan serta perlindungan alam sekitar diutamakan di peringkat tempatan dan serantau. Majlis pada malam ini turut dihadiri oleh duta-duta dan wakil dari lebih 55 buah negara anggota IMO.

Di bawah IMO, Malaysia berhasrat untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam bidang ini dengan menggunakan pendekatan inklusif yang membawa semua negara ke arah Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



# Pelancaran Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan atau Aplikasi MyLogistik

**PUTRAJAYA, 18 November 2021** - Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Dr Ir Wee Ka Siong telah merasmikan Majlis Pelancaran Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan yang berlangsung di Hotel Zenith, Putrajaya.

Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan atau Aplikasi MyLogistik telah dibangunkan secara dalaman dengan kolaborasi bersama Pusat Geospasial Negara (PGN). MyLogistik merupakan pemetaan secara maya semua maklumat lokasi infrastruktur logistik yang merangkumi gudang, off-dock depot, stesen penguatkuasa, lapangan terbang, pelabuhan persekutuan, stesen kereta api, ICQS, jeti serta jaringan landasan kereta api dan jalan raya.



MyLogistik ini berfungsi sebagai pangkalan data geospatial yang dapat dijadikan sumber maklumat bersepadan yang mendukung evidence-based planning bagi mencapai pembangunan infrastruktur dan jaringan logistik lebih terancang, menyeluruh serta efisien. Aplikasi MyLogistik boleh dicapai di laman web :

<https://mygos.mygeoportal.gov.my/mot>

Turut hadir di majlis ini ialah YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT, YBrs. Cik Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT, Pn. Abrizah Abd. Aziz, Pengarah Pusat Geospasial Negara (GPN) dan wakil-wakil kementerian, agensi dan persatuan logistik.



# Pelancaran Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan Malaysia 2021- 2025

**PUTRAJAYA, 22 November 2021** - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melancarkan secara virtual Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan Malaysia 2021- 2025.

Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2021-2025 yang berpaksikan kepada Dasar Pengangkutan Negara (DPN) telah disediakan untuk menyokong matlamat mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Dalam usaha ini, pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan ekosistem pengangkutan negara berada di tahap terbaik. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini akan bertindak sebagai pemangkin untuk menambah baik sistem pentadbiran Kementerian agar dapat memacu Malaysia untuk menjadi pesaing global dalam industri pengangkutan.



Pelan ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 iaitu untuk mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan, serta selaras dengan semangat Keluarga Malaysia. Selain itu, Rancangan Malaysia Ke-12 juga telah meletakkan ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan sebagai salah satu pemangkin yang penting untuk merealisasikan aspirasi jangka panjang negara.



Pelan Strategik ini yang memfokuskan kepada 5 teras strategik iaitu governan; kecekapan infrastruktur; keselamatan, ketersambungan dan kebolehcapaian; kelestarian; dan jejak global dan pengantarabangsaan amat bertepatan bagi memandu usaha dan inisiatif-inisiatif melonjakkan sumbang, faedah dan aspirasi sektor pengangkutan kepada rakyat dan negara.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Dato Henry Sum Agong, YB Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; YBrs. Cik Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Dato' Razali Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Ketua- ketua Jabatan/Agensi bawah MOT; Setiausaha-setiausaha Bahagian/Ketua-ketua Unit di MOT serta Warga Kementerian Pengangkutan Malaysia.

# Pelancaran Pas Keluarga Malaysia

KUALA LUMPUR, 22 November 2021 - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob telah menaiki LRT dari Bangsar ke stesen KL Sentral dan seterusnya melancarkan Pas Keluarga Malaysia.

Pas Keluarga Malaysia yang merupakan inisiatif di bawah panji Keluarga Malaysia ini membolehkan seramai empat orang dalam satu kumpulan menikmati perjalanan menggunakan LRT, MRT, Monorel dan BRT di bawah RapidKL untuk satu hari tanpa had pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum dengan harga cuma RM15. Ini bermakna, pakej baharu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri hari ini akan membolehkan setiap penumpang menikmati perjalanan sepanjang hari dengan hanya RM3.75 mulai 1 Disember 2021.



YB Menteri Pengangkutan berharap agar Pas Keluarga Malaysia ini akan menggalakkan lebih ramai lagi penggunaan pengangkutan awam dan merangsang semula aktiviti ekonomi di sepanjang rangkaian pengangkutan awam di KL dan juga Selangor. Dalam masa yang sama, anak syarikat Prasarana iaitu Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) akan menawarkan "Pakej Transit untuk Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana" mulai bulan Mac 2022, dengan menawarkan lot perniagaan bersaiz antara 80 hingga ke 400 kaki persegi di beberapa stesen LRT bagi laluan Kelana Jaya dengan insentif seperti diskaun sewaan. Butiran lanjut akan diumumkan tidak lama lagi oleh PRIDE.



Hadir sama, Menteri Kewangan, Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz; Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Dr Shahidan Kassim; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah Group; Pengerusi Prasarana, Tan Sri Jamaludin Ibrahim; Presiden dan CEO Prasarana, En Mohd Azharuddin Mat Sah; CEO MRT Corp, Datuk Mohd Zarif Hashim; dan Naib Pengerusi Eksekutif MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

#KELUARGA  
MALAYSIA

# Buku Polisi-Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah

## Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

### & Kod Etika Dan Tatakelakuan MOT

**KUALA LUMPUR, 24 November 2021** - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah melancarkan Buku Polisi-Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) & Kod Etika Dan Tatakelakuan MOT bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KTMB Berhad, Kuala Lumpur. Pelancaran buku polisi ini adalah sinonim dengan sambutan bulan November sebagai bulan Integriti.



Buku Polisi ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan kepada warga MOT serta semua pihak berkepentingan dalam menangani sebarang bentuk penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah di MOT ke arah kemampunan sektor pengangkutan negara. Polisi Antirasuah MOT telah menggariskan mengenai visi, misi, pelan antirasuah dan mekanisme pemantauan serta petunjuk prestasi yang hendak dicapai dalam membanteras rasuah di MOT. Ia mengetengahkan skop tanggungjawab dan sasaran yang jelas serta saling melengkapi bagi memartabatkan prinsip tadbir urus terbaik serta menyemai nilai-nilai murni yang menjunjung ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan berkualiti oleh setiap warga kerja MOT.



Buku Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah ini merangkumi polisi-polisi seperti Polisi Antirasuah, Polisi Pengurusan Hadiah, Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat selaras dengan inisiatif dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MOT dan persediaan ke arah pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS). Selain itu, buku ini juga turut mempunyai Kod Etika dan Tatakelakuan MOT.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Dato Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBrs. Cik Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Dato' Razali Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan En. Mohamed Suhaimi Yaacob, Ketua Pegawai Korporat KTMB mewakili Ketua Pegawai Eksekutif KTMB.

#KELUARGA  
MALAYSIA

# **Majlis Sempena Pemeteraian Perjanjian Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura serta pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau Vaccinated Travel Lane (VTL) Udara dan Darat**

**SINGAPURA, 29 November 2021** - Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak telah menghadiri Majlis Sempena Pemeteraian Perjanjian Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura serta pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau Vaccinated Travel Lane (VTL) Udara dan Darat di atas jemputan Menteri Pengangkutan Singapura, Mr S Iswaran. Turut mengiringi Mr S Iswaran adalah Mr Loh Ngai Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Singapura dan Mr Ng Lang, Ketua Eksekutif Penguasa Pengangkutan Darat atau Land Transport Authority (LTA) Singapura. Hadir sama, Encik Mohamad Radzuan Bin Mazlan, Setiausaha Bahagian Udara MOT.



Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura telah memuktamadkan Perjanjian Antara Grantor bagi Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura ini pada 24 November 2021. Perjanjian ini adalah susulan daripada Perjanjian Konsesi yang telah dimeterai pada 30 Julai 2020 apabila Projek Laluan RTS berjaya disambung semula.

Dalam majlis yang penuh bersejarah ini telah berlangsung upacara simbolik pertukaran dokumen Perjanjian Antara Grantor Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura oleh YBhg. Datuk KSU MOT bersama Mr Ng Lang serta pertukaran Perjanjian Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau Vaccinated Travel Lane (VTL) Udara bersama Mr Loh Ngai Seng sambil disaksikan oleh Menteri Pengangkutan kedua-dua negara.



Bermula 29 November 2021, perjalanan antara Malaysia dan Singapura turut diberi rangsangan dengan pelancaran VTL Udara dan VTL Darat. Pengembara yang telah lengkap vaksin akan dapat menikmati perjalanan tanpa kuarantin antara Malaysia dan Singapura.

Walaupun berdepan dengan cabaran akibat COVID-19, namun kerjasama kukuh Malaysia dan Singapura berupaya merealisasikan aspirasi rakyat yang mahukan sistem pengangkutan cekap dan efisyen. Selain merapatkan semula hubungan rakyat kedua-dua negara, pembukaan sempadan ini juga diharapkan dapat memulih serta mengukuhkan ekonomi kedua-dua negara.

# **Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre (KL ATCC) Sepang**

**SEPANG, 1 Disember 2021** - Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre (KL ATCC) Sepang. Hadir sama, Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato Henry Sum Agong, Penggerusi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia atau Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM), YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak.



Pada tahun 2013, hasil daripada pertumbuhan dan perkembangan pesat industri penerbangan awam dan hasrat untuk memperkuatkannya dan memperkasa pengurusan dan pemantauan ruang udara negara, Kerajaan telah meluluskan Projek KL ATCC baharu sebagai salah satu projek pembangunan di bawah RM Ke-11 yang telah dimulakan pada 18 Januari 2016.

Dengan rekaan bangunan berbentuk layang-layang tradisional tempatan atau wau bersama sentuhan moden, KL ATCC bukan sahaja menempatkan operasi perkhidmatan trafik udara bagi seluruh ruang udara Semenanjung Malaysia, malah turut menempatkan Pusat Mencari Dan Menyelamat atau Search And Rescue Negara, serta Joint Airspace Management Coordination Center atau JAMCC.



Kejayaan pembangunan projek KL ATCC baharu ini adalah merupakan sebahagian daripada pencapaian Keluarga Malaysia yang amat membanggakan sekali. Berdasarkan kepada tenaga mahir tempatan yang telah digunakan dan juga ilmu yang ditimba dalam tempoh pelaksanaan projek KL ATCC baharu ini, tentunya ia menjadi satu aset yang penting untuk negara dalam memastikan kita mampu untuk berdiri sendiri dan seterusnya menyokong kemajuan serta pembangunan pelbagai industri lain.

# Perasmian Lapangan Terbang Baharu Mukah

**MUKAH, 4 Disember 2021** - Detik bersejarah tercipta di bandar Mukah, Sarawak pada 4 Disember 2021 apabila Lapangan Terbang Baharu Mukah telah pun dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Walaupun berdepan cabaran akibat pandemik COVID-19, namun Kementerian Pengangkutan Malaysia amat berbangga kerana Lapangan Terbang Baharu Mukah ini dapat memulakan operasinya pada 17 Jun lalu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Perasmian yang disempurnakan oleh YAB PM ini menandakan satu lagi kejayaan dilakar bagi menambah ketersambungan dan kebolehcapaian rakyat Sarawak dalam semangat Keluarga Malaysia. Projek Lapangan Terbang Baharu Mukah merupakan salah satu contoh keprihatinan pihak Kerajaan untuk memastikan keperluan dan kepentingan para penduduk sentiasa terpelihara. Projek ini dirancang bukan sahaja bertujuan untuk membolehkan kapasiti dan rangkaian pengangkutan awam di Sarawak dapat ditingkatkan, tetapi juga bertujuan untuk memberikan keselesaan dan pengalaman pengangkutan awam yang lebih baik kepada masyarakat setempat.



Ia bukan sekadar menggantikan Padang Terbang Mukah (STOLport) dengan lapangan terbang yang lebih besar, tetapi ia juga memiliki fasiliti yang lebih canggih, selamat, luas serta turut menempatkan Menara Kawalan Trafik Udara, Pejabat Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Metrologi (MET) dan Bangunan Jabatan BOMBA.

Paling penting, semoga pembangunan Lapangan Terbang Baharu Mukah ini akan menjadi pemangkin dan merancakkan ekonomi serta perdagangan Mukah pada dekad-dekad akan datang. MOT juga berkongsi aspirasi kerajaan Sarawak untuk menjadikan Mukah sebagai Hab Pendidikan, Pusat Penyelidikan, pembangunan industri negeri.

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Openg kerana sudi memeriahkan majlis yang penuh bermakna ini bersama-sama Menteri Pengangkutan Sarawak, Dato Sri Lee Kim Shin, Timbalan Menteri Pengangkutan yang juga Ahli Parlimen Lawas, YB Dato Henry Sum Agong. Turut hadir, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Sarawak, Datuk Amar Mohamad Asfia Awang; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), YB Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib serta Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Sarawak, YB Dato Sri Hajjah Fatimah binti Abdullah.

Sudah tentu, projek di kawasan pedalaman Sarawak ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama Kementerian Pengangkutan Sarawak, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi lain yang terlibat. Syabas dan terima kasih kepada anda semua.

# Infrastruktur Pengangkutan Rel Malaysia Menang Anugerah Projek Terowong Terbaik

**LONDON, 8 Disember 2021** - Infrastruktur pengangkutan rel Malaysia telah menerima satu lagi pengiktirafan dengan memenangi anugerah Projek Terowong Terbaik (nilai projek melebihi AS\$500 juta) daripada penerbitan berprestij United Kingdom (UK) iaitu New Civil Engineer (NCE).


Pengiktirafan yang dianugerahkan semasa Festival Terowong 2021 pada 8 Disember 2021 di London ini diberikan kepada Kerja Terowong dan Stesen Bawah Tanah Transit Aliran Massa Lembah Klang Laluan Putrajaya.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, YBhg. Datuk Isham Ishak merangkap Ahli Lembaga Pengarah Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRTC), bersama-sama pasukan kontraktor turnkey, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd. telah menerima anugerah itu bagi pihak pemilik projek, MRTC.



Anugerah ini menunjukkan keupayaan Malaysia untuk merealisasikan projek berpaksikan rakyat yang berubah mengikut masa yang menepati malahan melebihi jangkaan pelanggan sambil memajukan amalan terbaik industri. Ini termasuk penggunaan bahan yang mampan dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran pekerja. Projek ini juga menggunakan pendekatan kolaboratif untuk menyampaikan kerja dimana walaupun berhadapan dengan pandemik global, setiap pihak yang terlibat dapat bekerjasama untuk menyelesaikan kerja tepat pada masanya dengan keputusan yang cemerlang.

Majalah NCE yang mula diterbitkan pada bulan Mei 1972 merupakan sebuah majalah bulanan untuk ahli Institusi Jurutera Awam (ICE) yang merupakan satu badan bertauliah UK yang menyelia amalan kejuruteraan awam di negara tersebut.



Menurut editor NCE, Claire Smith, penyertaan untuk anugerah pada tahun ini menunjukkan bahawa sektor terowong berjaya mengadaptasi dengan situasi semasa sekaligus memberikan bertindak balas sewajarnya dan mengatasi cabaran yang dihadapi dengan penularan wabak COVID-19 dengan cemerlang.

Anugerah ini diberikan dengan tujuan untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam penyampaian projek terowong atau elemen berkaitan terowong sehingga nilai melebihi AS\$500 juta yang telah disiapkan diantara bulan Januari 2020 dan Julai 2021.

#KELUARGA  
MALAYSIA

# 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia Di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

**KUALA LUMPUR, 9 Disember 2021** - YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah menyempurnakan Majlis Perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 Disember 2021. Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri telah membentangkan pencapaian 100 hari pertama pentadbiran setiap Kementerian yang dinilai bermula 1 September 2021 yang lepas.



Penganjuran program 4 hari yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik ini menjadi refleksi iktikad kerajaan untuk sentiasa mengutamakan Keluarga Malaysia terutama dalam memulihkan negara tanpa meminggirkan seseapa.

YB Dato Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia turut serta melawat Booth Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang berada di Hall 2 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Ruang pameran MOT ini turut disertai oleh agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Prasarana Berhad. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat.



Pelbagai aktiviti menarik dan perkongsian berkaitan inisiatif dan pencapaian di bawah MOT diperkenalkan kepada pengunjung termasuk dari jabatan dan agensi. Antara tarikan ialah produk dan perkhidmatan dari Rapid KL dan KTMB serta diskau saman sehingga 80% daripada JPJ yang diadakan khas sempena penganjuran Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang berlangsung selama dari 9 Disember hingga 12 Disember 2021.

#KELUARGA  
MALAYSIA



# **Malaysia Berjaya Menduduki Kerusi Sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO)**

**LONDON, 10 Disember 2021** - Malaysia telah berjaya dipilih menduduki satu daripada 20 kerusi sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi Kategori C dalam Perhimpunan IMO untuk penggal 2022-2023. Malaysia adalah salah satu daripada 27 Negara Anggota yang bersaing merebut 20 tempat, berbanding hanya 24 Negara Anggota IMO yang bertanding pada penggal sebelum ini.

Malaysia mendapat 128 undi daripada 159 undi dengan satu undi tidak sah, dan tiada yang berkecuali. Keputusan semasa sesi ke-32 Perhimpunan IMO yang bermula dari 6-15 Disember 2021 ini sekaligus menjadi kemenangan Malaysia buat penggal ke-9 berturut-turut. Ini juga merupakan detik bermakna buat negara sempena Ulang Tahun ke-50 Malaysia sebagai Negara Anggota IMO sejak tahun 1971. 2006-2007 merupakan penggal pertama kita menduduki Ahli Majlis IMO.



Usaha untuk memastikan negara mengekalkan kedudukan ini sudah bermula lama iaitu sejak pemilihan penggal lepas berakhir lagi dan di tengah-tengah pandemik melanda dunia. Ia diketuai oleh Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke London demi memastikan kemenangan Malaysia yang juga merupakan penjaga Selat Melaka yang penting di dunia serta mengekalkan suara Malaysia untuk perbincangan mengenai hal ehwal maritim antarabangsa dan serantau.

Pemilihan ini juga adalah satu penghormatan dan tanggungjawab kepada Malaysia, tambahan pula industri perkapalan merupakan salah satu industri penting dalam pengangkutan barang di Malaysia serta pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan industri perkapalannya memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Kepentingan modal insan dalam industri perkapalan dan maritim juga akan mendapat manfaat hasil daripada pemilihan semula Malaysia ke Majlis IMO.

Pemilihan semula ini bergantung pada komitmen jangka panjang dan sumbangan Malaysia kepada program-program serta halatuju IMO dan agensi-agensi di bawahnya. Ia juga mencerminkan pengiktirafan Malaysia oleh IMO dan Negara Anggotanya atas kerjasama Malaysia dalam keselamatan marin, perlindungan alam sekitar, kebijakan dan hak pelaut, serta mengekalkan keselamatan perkapalan di seluruh dunia.

Malaysia merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Negara Anggota, rakan-rakan kongsi dan rakan sekerja dalam Perhimpunan IMO untuk mesyuarat yang berjaya dan berpandangan jauh ke hadapan. Sokongan dan kerjasama mereka dalam banyak perkara di bawah payung IMO akan memacu usaha Malaysia untuk membangunkan industri maritim dan berkaitannya mengikut Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Harapan Malaysia sebagai Ahli Majlis yang bertanggungjawab dan komited adalah untuk terus bekerjasama dengan IMO dan rakan-rakan Negara Anggota untuk misi jangka panjang dalam mempromosikan pengangkutan yang selamat, terjamin, mesra alam, cekap dan mampan untuk semua negara dan komuniti di seluruh dunia.

# **YB Menteri Pengangkutan Melawat Mangsa Banjir di Stesen LRT Putra Heights**

**SUBANG JAYA, 19 Disember 2021** - YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia melawat mangsa-mangsa banjir di Stesen LRT Putra Heights yang dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Setakat jam 4 petang pada 19 Disember 2021, terdapat seramai 22 orang mangsa dari Kampung Kuala Sungai Baru, Kampung Bukit Lanchung (14) dan Kampung Tengah (4) telah mendapat perlindungan dan pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) turut mengagihkan sumbangan berupa barang keperluan kepada mangsa-mangsa banjir. Semoga musibah banjir yang melanda banyak kawasan ketika ini segera surut dan mangsa-mangsa banjir dapat pulang ke rumah masing-masing dengan selamat.

Adalah diharapkan agar semua pengguna pengangkutan awam khususnya pengguna perkhidmatan bas Rapid KL bersabar berhubung beberapa laluan bas Rapid KL yang dihentikan sementara susulan keadaan cuaca yang tidak menentu dan banjir kilat sekitar Lembah Klang Perkhidmatan telah disambung semula setelah segala aspek keselamatan, faktor cuaca dan situasi semasa mengizinkan.



Prasarana akan melihat keperluan pada masa akan datang untuk menjadikan hub-hub pengangkutan awam di bawah seliaannya untuk dijadikan sebagai PPS ketika berlakunya kejadian-kejadian seperti musibah banjir, sebagai antara tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang ditimpa kesusahan. MOT amat mengalu-alukan usaha murni pihak Prasarana ini dalam memainkan peranan bersama membantu Keluarga Malaysia.

# Majlis Anugerah Kecemerlangan Kuala Lumpur International Logistics & Transport (KiLAT)

**PUTRAJAYA, 21 Disember 2021** - Kementerian Pengangkutan (MOT) Malaysia bersama EPL Exhibition Sdn Bhd telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Kuala Lumpur International Logistics & Transport (KiLAT) buat julung kalinya dan ianya merupakan anugerah pertama bagi Industri Pengangkutan Malaysia.



YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia yang merasmikan acara tersebut menyatakan bahawa tujuan utama majlis anugerah ini diadakan adalah untuk mengiktiraf syarikat yang telah menyumbang kepada pertumbuhan industri pengangkutan dan logistik, serta ke arah pembangunan ekonomi negara.

Beliau turut mengatakan bahawa majlis anugerah ini juga bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan dan pembabitan wanita yang patut diberi perhatian khusus kerana telah memberikan sumbangan besar terhadap industri dengan harapan dapat menggalakkan lebih ramai kaum wanita untuk menyertai bidang kerjaya dalam industri pengangkutan dan logistik.

Daripada sejumlah lebih 130 pencalonan global daripada kategori iaitu Pengangkutan (Darat dan Rel), Logistik dan Pergudangan, Penerangan, Maritim, dan Wanita dalam pengangkutan dan logistik industri, 43 penerima anugerah telah dipilih berdasarkan pencapaian cemerlang dan sumbangan mereka kepada industri.

Sempena Majlis Penganugerahan KiLAT, YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong bersama YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia turut melancarkan Direktori MOT baharu yang telah ditambah baik serta menyaksikan majlis MOU dan pertukaran dokumen MOU antara YTL, Universiti Malaya dan Keretapi Tanah Melayu Berhad yang berada di bawah Program Pembangunan Industri Keretapi, yang dibantu oleh Pusat Kecemerlangan Rel Kebangsaan (NRCOE), di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.




Anugerah Kecemerlangan KiLAT dijadualkan akan diadakan pada 4 hingga 6 Oktober 2022 serentak dengan Pameran KiLAT, yang terpaksa ditangguhkan akibat wabak COVID-19 sebelum ini. Ia akan melibatkan 30 sektor pasaran dalam industri pengangkutan dan logistik, yang akan berkumpul buat pertama kali di bawah satu bumbung.

Pameran ini akan menjadi platform untuk pemain industri memperkenalkan dan menunjukkan produk baharu, teknologi terkini, perisian, kendaraan, peralatan dan perkhidmatan dalam semua sektor rantaian bekalan untuk industri logistik dan pengangkutan tempatan dan antarabangsa.

#KELUARGA  
MALAYSIA

## Program Amal Misi Bantuan Banjir Kelolaan KSKKP

**PUTRAJAYA, 22 Disember 2021** - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak telah mengetuai satu Program Amal misi membantu warga MOT yang terjejas dengan musibah banjir di kawasan Lembah Klang dan Selangor. Program kelolaan Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) ini telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 20 orang sukarelawan warga kerja MOT.



Program ini turut disertai oleh wakil-wakil daripada agensi serta jabatan di bawah MOT iaitu Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), Railway Assets Corporation atau Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Johor Port Berhad, Civil Aviation Authority of Malaysia atau Pihak Berkusa Penerangan Awam Malaysia (CAAM).

Misi bantuan banjir ini menyasarkan 2 lokasi yang terjejas teruk iaitu Sepang dan Dengkil untuk membantu kerja-kerja pembersihan rumah mangsa banjir yang diantaranya adalah merupakan kakitangan MOT sendiri. Semoga usaha ini dapat meringankan beban mangsa serta ahli keluarga dan secara tidak langsung membantu memulihkan semangat mereka yang terkesan.



## Pelancaran Pas Perjalanan Tanpa Had My50

**KUALA LUMPUR, 27 Disember 2021** - Ramai penduduk di Lembah Klang dan seluruh Malaysia terkesan akibat banjir yang melanda sejak beberapa minggu lalu. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menggesa semua agensi di bawahnya memainkan peranan masing-masing dalam memberikan perlindungan, bantuan, dan sebarang bantuan yang diperlukan untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Hari ini, Pas Perjalanan Tanpa Had My50 (My50) dilancarkan untuk membantu memberikan sedikit kelegaan kepada penduduk Lembah Klang.

Pas perjalanan tanpa had bernilai RM50 sebulan untuk warganegara Malaysia bagi penggunaan perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana Malaysia Berhad di Lembah Klang (LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan bas pengantara MRT) selama 30 hari berturut-turut.



Bagi Pulau Pinang, pas tanpa had My50 dipanggil Mutiara Pass, sah untuk semua perkhidmatan bas Rapid Penang. Pas Perjalanan Tanpa Had My50 sah dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

Dalam majlis pelancaran di stesen LRT Gombak, Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong memaklumkan kepada media bahawa My50 dijayakan dengan peruntukan RM115 juta di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan mengurangkan kadar tambang dari RM200 kepada hanya RM50 sebulan. Ini adalah subsidi oleh Kerajaan untuk membolehkan Prasarana menyediakan kemudahan ini pada kadar yang berpatutan untuk mereka yang bergantung kepada perkhidmatan mereka.

My50 menggantikan pas My30 yang diperkenalkan di bawah skim PENJANA pada Jun 2020 lalu dalam membantu orang ramai berdepan pandemik COVID-19. Peruntukan My50 merupakan inisiatif penting berikutan peranan pengangkutan awam dalam kehidupan seharian orang ramai.

Inisiatif seperti ini diharapkan dapat memberikan kelegaan kepada mereka yang terjejas akibat banjir dengan mengurangkan kos pengangkutan awam serta menjimatkan kepada mereka.

#KELUARGA  
MALAYSIA